



17 SEP, 2026

Kerajaan teliti langkah mitigasi



Sinar Harian, Malaysia

Kerajaan teliti langkah mitigasi



Saya ingin menegaskan bahawa ikhtiar penyasaran subsidi terus dipertahankan bagi melindungi rakyat.”

- Anwar Ibrahim

Mengurangkan kesan kenaikan bil elektrik terhadap isi rumah

KUALA LUMPUR - Satu mesyuarat khas akan diadakan pada Khamis bersama Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Suruhanjaya Tenaga (ST), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Kementerian Kewangan (MOF) bagi meneliti langkah mitigasi segera untuk mengurangkan kesan kenaikan bil elektrik terhadap isi rumah yang terlibat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sekembalinya beliau dari India dan Maldives, perhatiannya terus tertumpu kepada keresahan rakyat berhubung kenaikan bil elektrik sejak kebelakangan ini.

“Saya mendengar keluhan yang disuarakan dan perkara ini perlu diberi perhatian serta ditangani segera.

“Saya ingin menegaskan bahawa ikhtiar penyasaran subsidi terus dipertahankan bagi melindungi rakyat,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, sekitar 80 peratus pengguna domestik yang menggunakan elektrik tidak melebihi 600 kilowatt-jam (kWj) sebulan kekal dilindungi dan tidak terkesan dengan kenaikan kadar susulan peningkatan kos bahan api tahun ini.

“Namun, keadaan jerebu serta cuaca lebih panas sejak kebelakangan ini telah mendorong peningkatan penggunaan elektrik dalam kalangan sebahagian isi rumah.

“Ia menyebabkan penggunaan bulanan mereka melepasi paras 600 kWj dan sekali gus tertakluk kepada Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA),” katanya.

Justeru, beliau berkata, kerajaan Madani akan memastikan penyasaran subsidi dilaksanakan secara adil dengan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan.

Baru-baru ini, kenaikan bil elektrik mencetuskan kempen #BilNaikTNB di media sosial apabila pengguna dan aktivis mempersoalkan struktur caj serta penjelasan yang didakwa sukar difahami. - Bernama